



SIARAN MEDIA

eSTRATA TINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN PERUMAHAN STRATA

CYBERJAYA, 27 November 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah **melancarkan Sistem eStrata dan Handbook Pengurusan Strata 3.0 sempena Majlis Citra Strata JPN 2025**. Majlis ini berlangsung di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya bagi mengumumkan pemenang pertandingan video animasi/pendek dan video tiktok pengurusan strata pada tahun ini. Pelancaran dan penyampaian hadiah ini disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Revolusi Digital Pengurusan Strata dengan Sistem eStrata

Sistem eStrata dibangunkan bagi menggantikan sistem eCOB sedia ada untuk mewujudkan platform pengurusan strata di peringkat nasional. Sistem baharu ini menandakan satu revolusi dalam pengurusan strata iaitu bertindak sebagai platform bersepadu untuk mengurus, memantau dan menyimpan data perumahan dengan lengkap, teratur dan selamat.

Sistem eStrata dibangunkan dengan fungsi utama untuk memudah cara tugas pentadbiran serta meningkatkan keupayaan pemantauan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sistem digital ini membolehkan pemantauan yang lebih cekap dan komprehensif ke atas pemaju dan badan-badan pengurusan, selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

Dengan sistem eStrata, badan pengurusan boleh mengemas kini data skim mereka iaitu maklumat pemilik petak, laporan kewangan, minit mesyuarat agung, undang-undang kecil, dan insurans bangunan. Pangkalan data berpusat ini akan membantu Kerajaan merangka dasar yang lebih tepat, menyeluruh dan responsif.

Sistem ini juga akan menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) yang diintegrasikan dengan OpenAI yang membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan pengurusan mendapatkan panduan secara langsung daripada KPKT berkaitan pengurusan strata. Latihan kepada pegawai JPN akan bermula pada Disember 2025, manakala latihan kepada pihak COB dijadualkan pada Februari 2026 seterusnya diperluaskan secara berperingkat kepada badan-badan pengurusan.

Penerbitan *Handbook* Pengurusan Strata 3.0

Selari dengan usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti strata, KPKT turut mengambil inisiatif mengemas kini dan menghasilkan *Handbook* Pengurusan Strata 3.0.

Buku panduan ini mengandungi maklumat penting dalam bentuk infografik yang padat, ringkas, mudah difahami dan mesra pengguna. Versi terbaharu ini ditambah baik dengan memfokuskan kepada soalan-soalan lazim (FAQ) berhubung isu-isu yang sering dibangkitkan atau menimbulkan kekeliruan seperti pelaksanaan mesyuarat agung dan pelantikan jawatankuasa pengurusan di bawah Jadual Kedua Akta 757, pengurusan kewangan, tindakan ke atas pemungkir, kebocoran antara tingkat, dan tindakan penguatkuasaan serta ingkar award.

Menurut YB Datuk Hajah Aiman Athirah, “Penerbitan *Handbook* Pengurusan Strata 3.0 ini dilihat dapat dijadikan sumber rujukan utama oleh komuniti strata, sekali gus meminimumkan pertanyaan serta aduan yang berkaitan pengurusan strata kepada KPKT dan COB.”

Sambutan Menggalakkan Pertandingan Video Animasi/Pendek dan Video TikTok Pengurusan Strata 2025

Selain pelancaran sistem, Majlis Citra Strata JPN 2025 turut meraikan kejayaan Pertandingan Animasi/Pendek dan Video TikTok Pengurusan Strata 2025 yang bertemakan “Strata Berkualiti, Kejiranan Harmoni”. Pertandingan anjuran JPN yang berlangsung dari 1 Julai hingga 12 September 2025 ini menerima 64 penyertaan memberangsangkan (39 video animasi/pendek dan 25 video TikTok). Pemenang telah diumumkan semasa majlis dan menerima hadiah wang tunai serta sijil penghargaan daripada KPKT.

Penganjuran pertandingan ini merupakan inisiatif yang berjaya mencapai objektifnya untuk meningkatkan kesedaran berkenaan pengurusan strata dalam kalangan masyarakat serta menerapkan sikap peduli dan cakna terhadap skim strata. Hal ini seiring dengan aspirasi pendigitalan Kerajaan dan penggunaan media sosial.

Secara keseluruhannya, sambutan **Majlis Citra Strata 2025** melambangkan simbol pengiktirafan kecemerlangan dalam pemerkasaan strata, penganugerahan kepada kreativiti komuniti strata dan komitmen KPKT terhadap tadbir urus dan kesedaran strata yang berkualiti.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

